



# **MENYANTUNI UMMAT, MEMBAWA RAHMAT**

**HAJI MOHAMAD ZARIFI BIN MOHAMAD DAUD**

جايٲن كماله وان اسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA





JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Terbitan Pertama .....2018

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Penulis:

Tuan Haji Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud  
Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Syariah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM

Grafik & Atur Huruf:

Hamidah binti Ishak  
Bahagian Penerbitan, JAKIM

## KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENDAHULUAN	6
SOROTAN RINGKAS DAKWAH RASULULLAH SAW	7
AGENDA DAKWAH MENYANTUNI UMMAT: SULUHAN AL-QU'RAN	13
MUHAMMAD SAW: NABI MENYANTUNI UMMAT	19
PEMERKASAAN PROGRAM DAKWAH MENYANTUNI UMMAH	28
PENUTUP	31
SENARAI RUJUKAN	33



## PENDAHULUAN

Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Allah SWT, kita sudah masuk ke tahun baru 1440 Hijri. Obor semangat peristiwa Hijrah telah diangkat menjadi asas kalendar Islam pada zaman pemerintahan Khalifah Umar Ibn al-Khattab. Tentunya, peristiwa Hijrah Baginda Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah sejauh kira-kira 340 kilometer menjadi inspirasi serta nilai kekuatan. Roh Hijrah membawa sinar dan harapan baharu kepada umat Islam.

Sambutan Ma'al Hijrah yang direncana saban tahun, tujuannya amat murni, mahu seluruh umat Islam bersama-sama merenung, menginsafi serta menghayati sepenuhnya inti pati peristiwa Hijrah yang dilalui oleh Baginda Nabi Muhammad SAW bersama golongan Muhajirin dan Ansar sehingga terpahat sebagai peristiwa penting yang tidak akan pernah luput dalam lensa sejarah. Sirah bukan hanya bahan artifak sejarah yang menjadi tontonan sahaja, sebaliknya ia adalah pengajian reflektif yang bertindak sebagai agen penggerak ke arah kemajuan dan ketamadunan generasi ini.

## SOROTAN RINGKAS DAKWAH RASULULLAH SAW

Ketika permulaan Islam pada zaman Mekah selama 13 tahun, Nabi Muhammad SAW dan para sahabat menghadapi cabaran yang amat getir. Ketika di Mekah, usaha dakwah Baginda SAW boleh dibahagikan kepada tiga (3) fasa seperti berikut:

- i) Dakwah secara rahsia dan sulit
- ii) Dakwah terbuka kepada penduduk Mekah
- iii) Dakwah ke luar Mekah dan tersebarnya dakwah di luar Mekah sehingga Hijrah Nabi SAW ke Madinah

Seruan dakwah Nabi SAW bermula secara rahsia dan sulit selama kira-kira 3 tahun. Sayyidatina Khadijah RA, Ali bin Abi Talib, Zaid bin Harithah, Abu Bakar Al-Siddiq, Uthman bin Affan, Al-Zubair bin Awwam, Abdul Rahman bin Auf, Sa'ad bin Abi Waqqas antara yang paling awal menerima dakwah Nabi SAW. Dakwah secara sulit ini digerakkan supaya masyarakat Mekah tidak terkejut dengan agenda wahyu ini.



Selepas itu, ketika umat Islam bertambah sedikit demi sedikit, Nabi SAW telah memilih rumah Al-Arqam bin Abi Al-Arqam sebagai lokasi menyampaikan risalah tauhid. Usaha dakwah tersebut telah membuahkan hasil yang hampir 40 orang telah menerima seruan Islam. Inilah gambaran permulaan dakwah Nabi SAW yang penuh strategik. Walaupun payah, nyata ia tidak melemahkan umat Islam, sebaliknya membina kekuatan jati diri umat Islam dan kasih sayang sesama umat Islam.

Kemudian itu, turunlah perintah Allah SWT supaya berdakwah secara terang-terangan melalui surah al-Syu'ara', ayat 214 yang bermaksud:

“Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat.”

Langkah awal Nabi SAW selepas turunnya ayat ini ialah memanggil Bani Hashim terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, ia mendapat tentangan kuat daripada Abu Lahab. Antara ayat lain yang memberikan arahan kepada Nabi SAW supaya berdakwah secara terbuka adalah ayat 94 dalam surah al-Hijr yang bermaksud:

“Oleh itu, sampaikanlah secara berterus terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu.”

Nabi Muhammad SAW akur dengan perintah tersebut dan telah mengumpulkan kaum Quraisy di Bukit Safa dan mengisytiharkan dakwah secara terang-terangan kepada tauhid dan beriman kepada risalah yang dibawa oleh Baginda SAW.

Baginda SAW bersabda, maksudnya: “Apakah kamu semua akan percaya atau tidak sekiranya aku ceritakan bahawa di sebalik bukit ini ada sekumpulan musuh yang akan menyerang kamu?” Mereka menjawab, “Sudah pasti kami akan percaya kerana kami belum pernah mendengarmu berdusta.” Kemudian Baginda SAW menambah: “Sesungguhnya, aku ini pembawa berita yang menakutkan iaitu di hadapanku ini suatu azab sengsara yang paling hebat.” Selepas itu, langsung telah menerima maklum balas penolakan daripada kaum Quraisy termasuk Abu Lahab. Abu Lahab bangun dan berkata: “Binasa engkau hai Muhammad, apakah untuk ini sahaja sebab engkau mengumpulkan kami?” Setelah itu, turun wahyu, ayat pertama dalam surah al-Masad ayat yang bermaksud:

“Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab, dan binasalah ia bersama.”

Setelah peristiwa itu, bermulalah api penentangan dan penyeksaan dalam kalangan penduduk Mekah kepada Baginda SAW dan para sahabat. Episod ejekan, cercaan, penyebaran dakwah palsu, pemulauan ekonomi, penyeksaan sehingga ke tahap ugutan bunuh, datang satu demi satu kepada Baginda SAW dan para sahabat.

Rentetan daripada itu, Nabi Muhammad SAW diperintahkan untuk berhijrah ke Madinah. Hijrah bukan bererti kalah, sebaliknya mengatur langkah strategik, memeta usaha melakar kemenangan yang lebih besar iaitu melebar risalah ke pelusuk dunia.

Ketika memasuki Kota Madinah, Baginda SAW telah disambut dengan suara tahmid dan bait-bait yang bermaksud:

Telah bersinarlah bulan purnama kepada kita  
Dari lembah-lembah Thaniyah al-Wada'  
Wajiblah ke atas kita untuk bersyukur  
Selagi ada penyeru yang menyeru kepada Allah  
Aduhai Nabi yang diutuskan kepada kami  
Kamu membawa perintah yang pasti dijunjung

Sesampainya di Madinah, ada tiga (3) keputusan strategik untuk melebarkan dakwah yang diambil oleh Baginda SAW:

- 1) Pembinaan masjid
- 2) Mempersaudarakan umat Islam khususnya Muhajirin dan Ansar
- 3) Dokumentasi perlembagaan pentadbiran negara Madinah

Masjid Quba' dan Masjid Nabawi adalah institusi masjid terawal yang dibina atas dasar taqwa, berfungsi sebagai pusat ibadah dan dakwah. Masjid juga berfungsi sebagai pusat pengajian dan pengukuhan aqidah. Selain itu, ia berperanan sebagai pusat pentadbiran, kemasyarakatan dan perundingan umat Islam. Begitu jitu peranan institusi masjid sebagai *centre of excellence*.

Langkah strategik yang kedua ialah mempersaudarakan sesama Muslim. Kelompok Aus dan Khazraj telah diharmonikan. Sejarah maktum, kedua-dua kelompok ini sudah sekian lama bersengketa sesama sendiri sehingga bertempur dalam peperangan. Apabila hadirnya cahaya Islam ke Madinah, Nabi Muhammad SAW telah mendamaikan kedua-dua kelompok tersebut. Firman Allah SWT dalam ayat 103, surah Ali Imran yang bermaksud:

*“Dan berpegang teguhlah kepada kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyyah dahulu); lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara...”*

Selain itu, golongan Muhajirin dan Ansar juga turut dipersaudarakan contohnya Baginda SAW telah mempersaudarakan Ja'far bin Abi Talib dengan Mu'adz bin Jabal dan Hamzah bin Abdul Mutalib dengan Zaid bin Harithah. Manakala Abu Bakar al-Siddiq dengan Kharijah bin Zuhair dan seterusnya sahabat-sahabat yang lain. Inilah wawasan strategik Baginda SAW mengangkat roh kasih sayang dalam melebar dakwah. Semangat ketaksuban membuta tuli dan perkauman jahiliah dibasmikan. Semuanya bersatu di atas nama iman dan Islam. Apabila hati dan jiwa berpadu, umat akan bertambah gagah.

Langkah strategik ketiga yang direncanakan oleh Nabi Muhammad SAW adalah menggubal dokumentasi Perlembagaan pentadbiran Negara iaitu Sahifah Madinah yang mengandungi 47 Fasal kesemuanya. Perlembagaan ini berperanan sebagai pedoman hidup

bernegara dalam suasana kemajmukan masyarakat Madinah ketika itu. Pendekatan inklusif dan komprehensif yang berteraskan kedamaian ini telah memancarkan sinar baru kepada Kota Madinah.

Kepintaran dan kebijaksanaan Baginda SAW telah menggerakkan asas masyarakat baharu di Madinah. Ia telah menonjolkan kerahmatan Islam melalui peribadi dan teladan mulia, prinsip “*walk the talk*” diangkat selain menjulang tinggi semangat kasih sayang dan rasa kebersamaan. Ia menjadi asas kepada perkembangan dakwah serta membawa rahmat ke pelosok dunia.

### **AGENDA DAKWAH MENYANTUNI UMMAT: SULUHAN AL-QUR`AN**

Al-Qur`an telah meletakkan agenda menyantuni ummah dengan penuh kelembutan dan hikmah.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125, maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya, Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih

mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

Syed Qutub dalam karyanya, Tafsir Fi Zilalil Qur’an telah menghuraikan bahawa ayat ini menjadi gagasan penting kepada penyusunan agenda menyantuni ummah melalui program dan usaha dakwah. Dakwah perlulah digerakkan secara hikmah dan bijaksana mengikut kadar kemampuan kelompok sasaran dakwah. Dakwah tidak wajar dipersulitkan dengan beban (taklif) yang bertentangan dengan kemampuan diri sasaran dakwah. Dakwah perlu dilakukan dengan pengajaran yang baik serta meresap ke dalam hati secara halus dan menembusi perasaan sanubari manusia dengan penuh kelembutan.

Dakwah, biarlah ia mendekatkan bukan menjarakkan manusia. Apatah lagi bersikap kasar dan mengguris perasaan, ia perlu dielakkan. Dalam pada masa sama, dakwah secara hikmah dan bijaksana boleh didatangkan dalam bentuk pengajaran biasa, nasihat yang baik serta dialog dan perbincangan.

Al-Qur’an juga memberikan petunjuk kepada Nabi SAW supaya sentiasa berlemah lembut, lunak dan tidak bertindak kasar kepada

ummat. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran, ayat 159 yang bermaksud:

“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah mesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.”

Begitu juga perintah Allah SWT kepada Nabi Musa dan Nabi Harun supaya menyampaikan dakwah secara lemah lembut kepada Firaun seperti direkodkan pada ayat 43 dan 44 surah Taha yang bermaksud:

“Pergilah kamu berdua kepada Fir`aun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya.”

“Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga ia beringat atau takut.”



Dakwah boleh difahami sebagai mengajak, memanggil, menjemput, menyeru dan memandu. Secara terperinci, dakwah bermaksud apa juga usaha yang dilakukan dengan pendekatan tertentu untuk mengajak manusia kepada keredhaan Allah SWT. Tugas dakwah adalah tugas mulia yang diwariskan para Rasul. Ia bukan kerja biasa-biasa, tetapi ia kerja luar biasa.

Secara ringkasnya, usaha dakwah menyantuni ummah perlu digerakkan melalui pendekatan berikut:

### **1) Penerangan yang jelas**

Pendekatan ini adalah berpandukan firman Allah SWT dalam ayat 92, surah al-Ma'idah yang bermaksud:

*“Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasul Allah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan Rasul-Nya). Oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut apa yang diperintahkan itu), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas dan nyata.”*

### **2) Berperingkat serta bertahap**

Sekiranya diperhalusi uslub al-Qur'an dalam ayat-ayat pengharaman arak, ia berlaku secara berperingkat. Oleh

yang demikian, para sarjana Islam menyatakan dakwah juga perlu berperingkat dan bertahap mengikut kesesuaian.

### 3) Mudah difahami

Metodologi ini pula adalah seperti yang diarahkan dalam ayat 185, surah al-Baqarah yang bermaksud:

*“...(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran...”*

### 4) Mendekatkan

Teknik ini adalah berpandukan suluhan al-Qur’an seperti dalam ayat 159, surah Ali Imran yang bermaksud:

*“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.”*

### 5) Diterangkan sebab di sebalik suruhan dan tegahan

Uslub al-Qur’an memberikan sebab sesuatu suruhan atau larangan itu ditentukan sebagai contoh dalam perintah solat,

dinyatakan tujuan tertentu seperti yang dirakamkan dalam surah al-Ankabut, ayat 45 yang bermaksud:

*“...dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar...”*

#### 6) **Bersesuaian dengan kapasiti dan konteks**

Pada masa yang sama, al-Qur’an juga telah meletakkan asas amar makruf dan nahi munkar sebagai agenda yang perlu digerakkan seperti yang terakam dalam firman Allah SWT pada surah Ali Imran, ayat 104, maksudnya:

*“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”*

Begitu juga dalam al-Qur’an, Allah SWT juga mengangkat umat ini kerana telah melaksanakan agenda amar makruf dan juga nahi munkar seperti dalam surah Ali Imran ayat 110 maksudnya:

*“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada*

*segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)...”*

## **MUHAMMAD SAW: NABI MENYANTUNI UMMAT**

Wahyu Ilahi telah memberikan penegasan bahwa sifat Nabi Muhammad SAW sebagai suri teladan kepada seluruh umat manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, ayat 21 yang maksudnya:

*“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang terbaik, yaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari Akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”*

Imam Ibn Kathir ketika mengulas ayat ini telah menyatakan bahawa Allah SWT menghendaki kaum di Madinah dan seluruh umat manusia supaya mengambil contoh dan teladan daripada segenap segi kehidupan Rasulullah SAW. Ia termasuk aspek kesabaran, pengorbanan supaya bersabar, memperelok akhlak serta tatasusila dan berjihad.

Allah SWT juga telah memberikan pengiktirafan kepada kemuliaan akhlak Baginda SAW seperti yang terangkum dalam ayat 4, surah al-Qalam yang bermaksud:

*“Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia.”*

Dakwah yang dipandu oleh Baginda SAW adalah bertunjangan akhlak dan pekerti yang mulia. Sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud:

*“Sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”*

Rasullah SAW mengajar kita bahawa dakwah dan akhlak adalah saling berkaitan. Ia tidak boleh berpecah dua. Ia perlu bergabung menjadi satu. Baginda SAW begitu teliti dalam mendidik Sahabat, dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besar perkara. Lihat sahaja kepada pesanan Baginda SAW kepada umat Islam untuk saling menjaga hak sesama Muslim seperti dalam hadith berikut:

“Hak sesama Muslim ada enam perkara.” Lalu Baginda Nabi SAW ditanya, “Apakah enam perkara itu, ya Rasulallah?” Jawab Baginda, “(1) Apabila engkau bertemu dengannya, ucapkanlah salam. (2) Apabila dia mengundangmu, penuhilah undangannya. (3) Apabila dia minta nasihat, berilah nasihat. (4) Apabila dia bersin lalu

membaca tahmid, doakanlah dia semoga dia beroleh rahmat. (5) Apabila dia sakit, ziarahlah dia. (6) Dan apabila dia meninggal dunia, ikutlah menghantar jenazahnya ke kubur.

(Hadith riwayat Imam Muslim)

Oleh yang demikian, Baginda SAW bersungguh-sungguh mengingatkan kita supaya menjaga akhlak kerana ia berkait rapat dengan keimanan. Sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Darimi yang bermaksud:

“Orang Mukmin yang paling sempurna keimanannya adalah yang paling baik akhlaknya.”

Dakwah Baginda SAW juga penuh lunak, memujuk dan menjinak. Kasar dan keras selalunya membuatkan orang terasa dan jauh hati. Berbeza natijahnya jika kita menggunakan pendekatan berlemah lembut. Agama itu adalah nasihat menurut sebuah hadith daripada Abi Ruqayyah, Tamim al-Dariy RA, bahawa Baginda SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Agama itu merupakan nasihat” Kami bertanya: “Untuk siapa?” Sabda Baginda: Bagi Allah, Kitab-Nya, Rasul-Nya, pemimpin-pemimpin orang Islam dan masyarakat semuanya.”

(Hadith riwayat Muslim)

Baginda SAW juga mengingatkan para sahabat supaya berperanan sebagai pemudah cara dan pemberi khabar gembira. Sabda Nabi SAW dalam riwayat al-Bukhari yang bermaksud:

Hendaklah kamu mempermudah dan janganlah menyusahkan dan berilah khabar gembira (yang baik-baik) dan janganlah meliarkan mereka.”

Dalam sebuah riwayat al-Bukhari, dikisahkan seorang Badwi berdiri dalam masjid, lalu dia kencing di situ. Langsung orang ramai yang melihatnya melaung-laung marah dan meminta Nabi SAW menghalang perbuatan tersebut. Nabi SAW telah membiarkan sahaja Badwi tersebut sebaliknya mengarahkan mereka mengambil sebekas air. Mereka mencurahkan air ke tempat kencing tersebut. “Sesungguhnya, dibangkitkan aku kepada kamu untuk mempermudah dan tidak dibangkitkan untuk menyusahkan.”

Begini caranya Baginda SAW menyantuni orang yang baru hendak berjinak-jinak dengan Islam. Pengisian dan kaedahnya bersesuaian dengan konteks. Pendekatan hikmah dan penuh kehalusan budi. Begitu banyak peringatan yang diberikan oleh Baginda SAW

supaya kita berkasih sayang sesama umat Islam seperti dalam hadits daripada Nu'man bin Basyir, sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Perumpamaan sikap orang Mukmin yang saling mencintai, mengasihi dan menyayangi sama seperti satu tubuh. Apabila salah satu daripada bahagian tubuh “mengeluh” sakit, maka seluruh tubuhnya akan turut sakit sehingga tidak dapat tidur dan demam.”

(Hadith riwayat Imam Muslim)

Dalam berinteraksi dengan orang bukan Islam pula, Nabi SAW telah memberikan penghormatan keinsanan serta toleransi kepada mereka.

Kisah Asma' binti Abu Bakar yang bertanya kepada Baginda Nabi SAW boleh dijadikan contoh. Dalam sebuah riwayat al-Bukhari, telah diriwayatkan daripada Asma' binti Abu Bakar yang bermaksud:

“Pada suatu hari, ibuku telah datang (dari Mekah) bertemu denganku (di Madinah) dan dia ketika itu masih lagi seorang musyrik pada zaman Rasulullah SAW. Kemudian itu, aku telah bertanya kepada Rasulullah SAW (tentang kedatangan ibuku), aku bertanya, (Ibuku telah datang dari Mekah untuk bertemu denganku dan dia masih lagi seorang Musyrik), dan dia berkeinginan (untuk berbuat baik dengan anaknya), apakah aku boleh bersilaturrahim dengan ibuku?” Baginda menjawab, “Ya, bersilaturrahimlah dengan ibumu.”



Kita sering mendengar sebelum ini dalam siri ceramah dan kuliah tentang cerita Nabi SAW bangun berdiri memberikan penghormatan kepada jenazah bukan Islam. Riwayat daripada Imam Muslim mafhumnya:

Diriwayatkan daripada Ibn Abi Laila bahawa Qais bin Sa'd dan Sahl bin Hunaif sedang berada di al-Qadisiyyah. Kemudian, jenazah diusung berdekatan dengan mereka lalu mereka berdua berdiri. Lalu dikatakan kepada mereka, "jenazah tersebut merupakan jenazah salah seorang penduduk tempatan di sini." Maka mereka berdua pun menjawab, "Sesungguhnya pernah diusung jenazah berdekatan dengan Baginda Rasulullah SAW, lalu Baginda bangun. Dikatakan kepada Baginda, "Ia ialah jenazah Yahudi." Maka, Baginda menjawab, "Bukankah dia juga seorang manusia."

Hadith ini telah memberikan bukti tentang ketinggian akhlak Baginda SAW dalam menyantuni pelbagai pihak termasuk golongan bukan Islam. Ia adalah sumber kekuatan dakwah yang penuh hikmah dan memikat. Ini adalah selaras dengan tuntutan al-Qur'an seperti yang terakam dalam ayat 8 dan 9, surah al-Mumtahanah yang bermaksud:

*"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan*

*kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”*

*“Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”*

Sekiranya ditinjau pada aspek lain pula, Baginda SAW sentiasa menyampaikan mesej supaya umat Islam mengawal tingkah laku dengan baik dan tertib. Itu adalah nilai dakwah yang amat besar. Dalam sebuah hadith daripada Abu Burdah, daripada Abdullah bin Qais, dia berkata:

“Suatu ketika Rasulullah SAW bersolat mengimami kami, selepas itu Baginda bersabda, “Kalian tetaplah berada di tempat,” Baginda kemudian mendatangi tempat kaum lelaki dan bersabda; “Sesungguhnya, Allah SWT telah memerintahkan aku untuk memerintahkan kalian agar kalian selalu bertaqwa kepada Allah SWT dan selalu berkata dengan kata-kata yang baik.” Setelah itu, Baginda SAW berjalan kepada kaum wanita, kemudian Baginda bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT telah memerintahkan aku untuk memerintahkan kalian agar kalian selalu bertaqwa kepada Allah SWT dan selalu

berkata dengan kata-kata yang baik”. Kemudian Baginda SAW kembali lagi ke tempat kaum lelaki dan bersabda: “Apabila kalian masuk ke dalam masjid, atau pasar kaum Muslimin sementara kalian membawa tombak, maka peganglah hujungnya (matanya), janganlah sampai kalian melukai seseorang.”

(Hadith Riwayat Imam Ahmad)

Inilah rahmatnya Nabi SAW kepada ummah. Peribadi mulia Baginda SAW adalah kepada semua orang sama ada kepada orang lelaki, wanita, kanak-kanak, warga emas, termasuklah dalam peperangan seperti dalam hadith riwayat Abu Daud yang bermaksud:

*“Janganlah kamu membunuh orang tua yang telah uzur dan janganlah membunuh anak-anak kecil dan wanita serta janganlah melampau, kumpulkan harta peperangan, buatlah kebaikan, berlaku ihsanlah. Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berbuat ihsan.”*

Baginda SAW pernah menyampaikan wasiat kepada Saidina Ali pada pembukaan Kota Khaibar, bahawa betapa besarnya ganjaran bagi mereka yang menyeru manusia kepada Islam. Hadith tersebut membawa maksud:

“Bergeraklah dengan tenang sehingga kamu tiba di perkarangan tempat mereka. Kemudian serulah mereka kepada Islam dan jelaskanlah kepada mereka perkara

yang wajib ke atas mereka berkenaan hak Allah dalam Islam. Demi Allah, jika Allah memberi hidayat melaluimu kepada seorang lelaki, adalah jauh lebih baik daripada kamu mendapat unta-unta merah.”

Begitu juga dalam sebuah hadith yang dinyatakan oleh Abu Hurairah RA yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya:

“Siapa yang mengajak kepada sesuatu jalan kebenaran (kebaikan), dia mendapat pahala sebanyak pahala yang diperolehi orang-orang yang mengikutinya., tidak mengurangi sedikit pun pahala mereka. Siapa yang mengajak kepada jalan kesesatan (keburukan), dia mendapat dosa sebagaimana yang diperolehi oleh orang-orang yang mengikutinya tanpa mengurangi sedikitpun dosa mereka.”

(Riwayat Imam Muslim)

## PEMERKASAAN PROGRAM DAKWAH MENYANTUNI UMMAH

Dalam konteks negara, program-program dakwah telah digerakkan oleh institusi-institusi Islam yang berorientasikan dakwah dan kefahaman Islam di peringkat Persekutuan dan Negeri-negeri. Institusi-institut tersebut seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Jabatan Mufti Negeri-Negeri, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) serta lain-lain agensi.

Agensi seperti ini telah merangka serta menyusun program-program dakwah mengikut kluster seperti akidah, syariah, ekonomi dan kepenggunaan, sosial dan kemasyarakatan, pendidikan, wanita dan kekeluargaan, saudara baru dan seumpamanya. Program-program ini digerakkan dalam pelbagai bentuk seperti seminar, simposium, bengkel, ceramah, tazkirah, temu-seru, dakwah bil-hal dan sebagainya.

Program-program dakwah di negara ini juga turut diperkukuhkan dengan peranan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam serta lain-lain pihak yang telah menggerakkan

program-program dakwah mengikut objektif, pendekatan dan sasaran yang telah ditentukan.

Program-program dakwah yang telah digerakkan oleh agensi kerajaan dan pihak NGO Islam berada di tahap yang baik. Gandingan bersepadu antara agensi kerajaan dan NGO menunjukkan kesungguhan Malaysia dalam membangunkan masyarakat & Islam dalam semua aspek kehidupan. Usaha-usaha pemerkasaan kefahaman Islam yang telah diusahakan mengikut posisi dan kemampuan masing-masing adalah sesuatu yang perlu diberikan penghargaan.

Walau bagaimanapun, untuk mendepani cabaran semasa, ada beberapa cadangan untuk memperkasa program-program dakwah menyantuni ummat seperti berikut:

- i- Penyelarasan program-program dakwah sepadu anjuran agensi Kerajaan dan NGO Islam terus diperkasakan melalui mekanisme sedia ada.
- ii- Agensi Kerajaan termasuk Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri terus memperkasakan fungsi kajian dan penyelidikan dalam bidang dakwah sebagai asas penentuan hala tuju program dakwah yang akan dilaksanakan.

- iii- Institusi Masjid dan Surau terus diupayakan sebagai pusat dakwah dan pusat pembelajaran sepanjang hayat.
- iv- Program pembinaan da'i pelapis dalam kalangan mahasiswa Universiti Awam dan Swasta perlu diperkasakan.
- v- Pertemuan berkala bersama seluruh penerbit produksi program dakwah di semua stesen TV dan radio bagi membina kesepaduan hala tuju keberkesanan dakwah di media penyiaran.
- vi- Pemerkasaan program dakwah bil hal dan penerangan kepada saudara baru, golongan kelainan upaya (OKU) serta lain-lain mengikut kelompok sasaran.
- vii- Pusat-pusat latihan seliaan institusi Islam di Negeri dan Persekutuan terus menawarkan kursus-kursus kemahiran dakwah berasaskan modul semasa untuk mempertingkatkan kemahiran para pendakwah.
- viii- Pemerkasaan program dialog antara agama dan budaya sebagai usaha pemerkasaan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

## PENUTUP

Agenda dakwah menyantuni umat perlulah disambut oleh semua pihak kerana ia adalah sesuatu yang dilaksanakan oleh Baginda Nabi SAW. Ia perlu disambut oleh individu Muslim, masyarakat dan semua pihak. Usaha dakwah bukanlah tugas “dia”, juga bukan tugas “mereka”, tetapi ia tugas “kita” semua. Kita semua adalah da’i. Tidak kira apa jua latar belakang kita. Sama ada kita ustaz, ustazah, guru, peniaga, jurukamera, jurutera atau siapa sahaja kita. Kita semua boleh berdakwah. Bagaimana? Jawapannya ialah dengan kita menampilkan akhlak mulia, mengajak orang ke arah kebaikan dan kembali kepada Allah SWT.

Seorang da’i mengajar agama di pentas ceramah, itu dakwah. Mengajak orang ke masjid, itu dakwah. Menasihati anak supaya solat, itu dakwah. Senyum pada orang, itu dakwah. Memimpin tangan orang kelainan upaya (OKU) penglihatan, itu dakwah. Menceritakan keindahan Islam kepada pelancong asing, itu dakwah. Menulis skrip drama mempromosikan nilai-nilai Islam, itu dakwah. Seorang jurulatih mengajak pemain-pemain bola sepak untuk solat, itu dakwah. Menulis status yang baik-baik di Facebook, itu dakwah. Dakwah itu luas arenanya. Manfaatkanlah apa juga ruang di depan mata. Jika tidak



boleh buat semua, janganlah ditinggalkan semua. Moga ia jadi jariah pahala. Peneman setia kita di alam sana.

Bersempena Ma'al Hijrah tahun ini, marilah kita menjadikan ia platform untuk terus membaca dan mengkaji sirah Baginda Nabi SAW dan seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Sesungguhnya penulisan kerdil ini tidak mampu untuk menceritakan semua perkara, tetapi cukuplah ia dapat merangsang untuk bertindak. Jalan dakwah ialah jalan Baginda Nabi SAW, seorang Nabi yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya', ayat 107 maksudnya:

*“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”*

## SENARAI RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim, Abdullah Basmeih, 2013, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Ab. Aziz Mohd. Zin, 1999, *Psikologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd. Nor (penyunting), 2016, *Kelangsungan Dakwah dan Pemerkasaan Islam di Malaysia*, Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, 1993, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Beyrut: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad bin Ali bin Hajar Al-Asqalani, 2000, *Fathul Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Dimasyq: Maktabah Dar al-Fiha'
- Muhammad Said Ramadhan al-Buti, 1999, *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*, Kaherah: Dar al-Salam.
- Muhy al-Din al-Nawawi, 2000, *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*, Beyrut: Dar al-Makrifah
- Ibn Kathir, 2000, *Tafsir Al-Quran Al-Azim*, Beyrut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi
- Mohamad Nidzam Abdul Kadir, *Memantap Ukhuwah, Memperkasa Ummah (Risalah Khas Maal Hijrah 1431H)*, Putarajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

- Safiy al-Rahman al-Mubarakfuri. 1988, *Al-Rahiq al-Makhtum Bahs fi Sirah al-Nabawiyah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilalil Quran* (Terjemahan) Yusoff Zaky Haji Yacob, 2000. Kota Bharu: Pustaka Aman Press
- Zulfaqar Mamat. *Perpaduan Nadi Transformasi Negara (Risalah Khas Ma'al Hijrah 1437H/2015M)*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Fiqh Al-Hijrah (Risalah Khas Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Negeri Pahang 1435H/2013M)*, Kuantan: Jabatan Agama Islam Pahang
- Zulkiple Abd. Ghani, *Persefahaman Asas Perpaduan Ummah (Risalah Khas Ma'al Hijrah 1433H/2011M)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BLOK A DAN B,  
KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
NO. 23 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN  
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA  
TEL: 03-88707000    FAKS: 03-88707003  
[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)